

Utusan Malaysia - KWAP Raih Pendapatan Kasar Tertinggi RM9.03b

📅 Selasa, Apr 24 2018

KWAP raih pendapatan kasar tertinggi RM9.03b

UTUSAN 24/4

➔ Jumlah kutipan 2017 turut meningkat kepada RM3.51 bilion

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP meraih pendapatan kasar tertinggi sejak pertumbuhannya, iaitu RM9.03 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, meningkat 41.98 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah saiz dananya meningkat dengan melepasi sasaran yang ditetapkan kepada RM140.80 bilion pada 2017 berbanding RM125 bilion pada 2016.

Dalam tempoh itu, jumlah pulangan pelaburan (ROI) kasar meningkat kepada 5.77 peratus, meningkat 0.42 peratus berbanding 5.35 peratus tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata dalam tempoh 10 tahun lalu, pengurus dana persaraan kedua terbesar di Malaysia itu mencatatkan purata pertumbuhan 12.98 peratus setahun, dengan pendapatan pelaburan terus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan aset.

Beliau berkata, pada tahun lalu, pendapatan pelaburan menyumbang 69 peratus, sumbangan majikan 27 peratus dan empat peratus disumbangkan

daripada Kerajaan Persekutuan.

"Apabila kami mula diperbadankan pada 1 Mac 2007, saiz dana kami hanya RM41.94 bilion.

"Namun, pada Disember 2017, saiz dana kami berada pada paras RM140.8 bilion, mencerminkan kadar pertumbuhan 235.72 peratus dalam tempoh singkat satu dekad," katanya pada taklimat media mengenai prestasi kewangan KWAP pada 2017, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Pelaburan KWAP, Nik Amlihan Mohamed dan Ketua Pegawai Operasi KWAP, Nik Ahmad Fauzan bin Nik Mohamed.

Memaksimumkan pulangan

Pada 2017, KWAP mencatatkan Kadar Pulangan Wajaran Masa (TWWR) 9.09 peratus, kira-kira sekali ganda berbanding tahun sebelumnya dan purata TWRR adalah sekitar 7.32 peratus.

Jumlah kutipan bagi 2017

meningkat sebanyak 4.96 peratus kepada RM3.51 bilion, yang mana RM3.01 bilion sumbangan pencen dan RM500 juta sumbangan Kerajaan Persekutuan.

Sejak penubuhan pada 1 Mac 2007, Wan Kamaruzaman berkata, KWAP komited dalam objektif jangka panjangnya dengan memaksimumkan pulangan bagi pesara secara mapan.

Justeru, katanya, ia membentuk matlamat dalam apa yang dilakukan KWAP, termasuk bagaimana pihaknya memasukkan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam strategi pelaburan dan amalannya.

Dalam tempoh 10 tahun, KWAP berjaya mengekalkan purata ROI kasar tahunan sebanyak 6.14 peratus.

Pada 2017, KWAP mencapai skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA) 95.6 peratus, mengatasi sasaran sebanyak 5.6 peratus.